

11/05/2003

Samy mahu kaum India buang imej buruh kasar

KUALA LUMPUR: Masyarakat India di negara ini perlu sedia berubah dengan membentuk satu identiti baru bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran sebagai masyarakat moden Malaysia.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata sebagai masyarakat India moden mereka perlu mampu berdikari, berdaya saing dan mempunyai pendidikan bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran mendatang.

Beliau yang juga Menteri Kerja Raya, berkata masyarakat India perlu sedia berubah daripada imej buruh kasar yang menjadi identiti kaum itu sejak sekian lama kepada satu kaum yang mampu mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang.

Katanya, sejak 20 tahun lalu, MIC secara berperingkat-peringkat berjaya mengubah nasib kaum India kepada satu kehidupan yang lebih baik berbanding sebelumnya.

"Sehubungan itu, MIC melihat perlunya penstrukturan semula serta memperbaharui tekad dan keazaman kaum India Malaysia dalam menghadapi cabaran abad ke-21," katanya berucap di Perhimpunan Agung MIC kali ke-57, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Perhimpunan Agung MIC itu, dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merangkap Timbalan Pengerusi BN, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam.

Samy berkata, selama lebih 150 tahun kaum India dikenali sebagai buruh kasar dan pekerja yang bergaji rendah tanpa pendidikan yang sesuai dengan

sebahagian besar daripada mereka memiliki pendidikan sekolah rendah dan dianggap sebagai satu kaum yang tidak mempunyai masa depan yang cerah.

"Oleh itu, kita (masyarakat India) perlu mengubah imej ini menerusi usaha teratur dengan menyediakan infrastruktur pendidikan yang sesuai bagi

masyarakat India terutama yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah," katanya.

Katanya, MIC sedar bahawa pendidikan adalah satu-satunya jentera yang boleh memperbaiki kedudukan sosio ekonomi masyarakat India di negara ini.

Beliau berkata, MIC gembira kerana kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), komited untuk meningkatkan ekuiti kaum India di negara ini

daripada 1.5 peratus kepada 3.0 peratus menjelang 2010.

Samy berkata, peningkatan sasaran ekuiti itu perlu berdasarkan kepada kedudukan ekonomi kaum India di negara ini yang masih lemah dan memerlukan

sokongan kerajaan dalam pelbagai bidang.

Katanya, proses pemilihan di peringkat cawangan tahun ini, mencerminkan kematangan politik yang tinggi di kalangan ahli MIC, iaitu hanya 80 cawangan daripada 4,300 cawangan MIC di seluruh negara berlaku pertandingan.

"Ini menunjukkan persefahaman dan kerjasama yang wujud di kalangan pemimpin. Suasana ini membolehkan kepimpinan di semua peringkat menjalankan kegiatan sosiopolitik dengan lebih berkesan," katanya.